



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 151**

## AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

**AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 30 Januari 1975

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 30 Januari 1975

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 1997

*Cetakan Semula Yang Kedua* ... .. 2001

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 151

### AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

#### PENGENAAN CUKAI

3. Pengenaan cukai
4. Penentuan caj dan nilai
5. Kadar cukai
6. Kuasa Menteri untuk mengecualikan dan membayar balik

#### BAHAGIAN III

#### ORANG YANG KENA MEMBAYAR CUKAI—PELESENAN

7. Orang yang dikenakan cukai
- 7A. Arahan untuk menganggap orang sebagai orang yang kena membayar cukai tunggal
8. Permohonan lesen, pengeluaran, dll.
- 8A. Pelesenan sukarela
9. Penyerahan dan pembatalan lesen

## BAHAGIAN IV

## INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN

## Seksyen

10. Invois dan resit
- 10A. Pengeluaran invois atau resit melalui komputer
11. Kewajipan untuk menyimpan rekod
12. Pemberian penyata
13. Taksiran cukai

## BAHAGIAN V

PEMUNGUTAN, MENDAPATKAN, MEMBAYAR BALIK  
DAN PEREMITAN

14. Bila cukai genap masanya dan kena dibayar
15. Mendapatkan cukai
16. Penalti bagi lewat membayar cukai
17. Liabiliti bersesama dan berasingan bagi pengarah, dll.
18. Orang yang hendak meninggalkan Malaysia
- 18A. Mendapatkan cukai perkhidmatan, dll., daripada orang yang meninggalkan Malaysia
19. Kuasa untuk memungut cukai perkhidmatan, dll., daripada orang yang berhutang wang kepada orang yang kena membayar cukai
20. Pembayaran cukai perkhidmatan, dll., yang terkurang dibayar atau yang tersilap dipulangkan balik dan pembayaran secara ansuran
21. Pemulangan cukai perkhidmatan atau penalti yang terlebih dibayar atau tersilap bayar
- 21A. Pemotongan daripada penyata bagi cukai perkhidmatan yang dipulangkan balik
- 21B. Bayaran balik hutang lapuk
- 21C. Pembayaran semula bayaran balik
22. Peremitan

## BAHAGIAN VI

PEMERIKSAAN, PENGGELEDAHAN, PENYITAAN DAN  
PENANGKAPAN

23. Orang yang terikat memberikan maklumat
24. Akses kepada bangunan, tempat, buku, dll.

Seksyen

25. Majistret boleh mengeluarkan waran geledah
26. Bila pengeledahan boleh dibuat tanpa waran
- 26A. Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer
27. Penyitaan buku, dokumen, dll.
28. Kuasa untuk menangkap

#### BAHAGIAN VII

#### KESALAHAN

29. Tidak mematuhi notis, dll.
30. Penalti bagi penyata yang tidak betul
31. Penalti bagi pengenaan atau pemungutan cukai perkhidmatan oleh orang yang tidak kena membayar cukai
32. Penalti bagi pengelakan cukai perkhidmatan
33. Cubaan dan persubahatan
34. Penalti am
35. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

#### BAHAGIAN VIII

#### PERUNTUKAN TENTANG PERBICARAAN DAN PROSIDING

36. (Dipotong)
37. Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa
- 37A. Kewajipan kerahsiaan
38. Perlindungan pemberi maklumat daripada dizahirkan
39. Pengkompaunan kesalahan
40. Sabitan di bawah undang-undang lain
- 40A. Perintah mahkamah

#### BAHAGIAN IX

#### PERATURAN-PERATURAN

41. Peraturan-peraturan

## BAHAGIAN X

PENTADBIRAN DAN PERKARA  
PELBAGAI

## Seksyen

42. Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain
43. Pegawai sebagai pekhidmat awam
44. Kad kuasa, dll., hendaklah dikemukakan
45. Tiada kos atau kerugian yang timbul daripada penyitaan boleh didapatkan melainkan jika penyitaan tanpa sebab yang munasabah atau barangkali
46. Penyampaian notis, dll.
47. Kerani dan pekhidmat boleh menguruskan kerja
- 47A. Pengurusan kerja bagi pihak orang yang kena membayar cukai
48. Hadiah
49. Borang hendaklah digunakan
50. Pertikaian dan rayuan
51. Pelikuidasi syarikat hendaklah memberikan notis penggulungan, dan menyetepikan cukai
52. Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 151

#### AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan untuk mengenakan, mendapatkan secara levi dan memungut cukai perkhidmatan.

[1 Mac 1975, P.U. (B) 52/1975]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan hendaklah terpakai di seluruh Malaysia, tidak termasuk Langkawi, Labuan dan Tioman.

(1A) Akta ini tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai Kawasan Pembangunan Bersama.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Tafsiran**

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang” termasuklah apa jua jenis makanan, minuman atau barang;

“bulan kalendar” ertinya sesuatu bulan yang dihitung mengikut kalendar Gregory;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“dokumen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“Kastam” ertinya Jabatan Kastam dan Eksais Diraja;

“Kawasan Pembangunan Bersama” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia–Thailand 1990 [*Akta 440*];

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais, yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“komputer” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950;

“Labuan” ertinya Pulau Labuan dan pulau tanggungannya, iaitu, Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burung, Papan dan Daat;

“Langkawi” ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau yang berdampingan dan terletak lebih dekat dengan Pulau Langkawi daripada dengan tanah besar;

“Menteri” ertinya Menteri Persekutuan yang bertanggungjawab atas kewangan;

“orang” termasuklah orang perseorangan, sesuatu firma, sesuatu pertubuhan, sesuatu persatuan, sesuatu syarikat dan tiap-tiap orang juredikal lain;

“orang yang kena membayar cukai” ertinya mana-mana orang yang ditetapkan sebagai orang yang kena membayar cukai;

“pegawai kanan kastam” ertinya mana-mana pegawai kanan kastam sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“pegawai yang berpatutan” ertinya mana-mana pegawai yang bertindak dalam menunaikan kewajipannya di bawah Akta ini, sama ada kewajipan itu diberikan kepadanya secara khas atau am, atau secara nyata atau tidak langsung;



“penalti” ertinya apa-apa caj yang genap masanya dan kena dibayar di bawah seksyen 16;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“perkhidmatan yang kena dibayar cukai” ertinya mana-mana perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan yang kena dibayar cukai;

“pertukaran data elektronik” ertinya pemindahan, daripada komputer ke komputer, transaksi perdagangan dan pentadbiran dengan menggunakan standard perutusan yang dipersetujui untuk menstrukturkan data berhubung dengan sesuatu transaksi;

“surcaj” ertinya apa-apa caj yang genap masanya dan kena dibayar di bawah subseksyen 20(3);

“tempoh yang kena dibayar cukai” ertinya, tertakluk kepada subseksyen 12(2), dua bulan kalendar atau sebahagian daripadanya yang berakhir pada hari terakhir bagi bulan kalendar yang kedua itu:

“Tioman” ertinya pulau Tioman dan pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepai dan Jahat.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1182*).

**2A.** Bagi maksud Akta ini, sesuatu zon bebas hendaklah disifatkan sebagai suatu tempat di luar Malaysia.

Dalam seksyen ini, ungkapan “zon bebas” mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*].

## BAHAGIAN II

### PENGENAAN CUKAI

#### **Pengenaan cukai**

**3.** Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan didapatkan secara levi mengikut Akta ini atas apa-apa perkhidmatan yang kena dibayar yang disediakan oleh mana-mana orang yang kena membayar cukai.

**Penentuan caj dan nilai**

4. Bagi maksud Akta ini, caj, premium atau nilai yang ke atasnya cukai perkhidmatan kena dibayar hendaklah dipastikan seperti yang berikut:

- (a) dalam hal perkhidmatan yang kena dibayar cukai bagi—
  - (i) penjualan barang oleh seseorang yang kena membayar cukai kepada—
    - (A) seseorang yang tiada kaitan dengan orang yang kena membayar cukai itu, harga sebenar yang baginya barang itu dijual; atau
    - (B) seseorang yang ada kaitan dengan orang yang kena membayar cukai itu, harga yang padanya barang itu sepatutnya akan dijual dalam perjalanan biasa perniagaan kepada seseorang yang tiada kaitan dengan orang yang kena membayar cukai itu;
  - (ii) pembekalan barang, jika tiada caj dikenakan bagi pembekalan barang itu, harga yang padanya barang itu sepatutnya akan dijual dalam perjalanan biasa perniagaan kepada seseorang yang tiada kaitan dengan orang yang kena membayar cukai itu;
- (b) dalam hal perkhidmatan yang kena dibayar cukai, selain perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dinyatakan dalam perenggan (a)—
  - (i) yang disediakan oleh seseorang yang kena membayar cukai kepada seseorang yang tiada kaitan dengan orang yang kena membayar cukai itu—
    - (A) caj yang dikenakan atau dipungut; atau
    - (B) premium bagi perlindungan insurans, bagi perkhidmatan yang kena dibayar cukai itu;
  - (ii) yang disediakan oleh seseorang yang kena membayar cukai kepada seseorang yang ada kaitan dengan orang yang kena membayar cukai itu, caj atau premium yang dikenakan atau yang dipungut bagi perkhidmatan yang kena dibayar cukai itu yang sepatutnya akan disediakan dalam perjalanan biasa perniagaan kepada seseorang yang tiada kaitan dengan orang yang kena membayar cukai itu;

- (iii) jika tiada caj atau premium yang dikenakan atau dipungut, caj atau premium yang sepatutnya akan dikenakan atau dipungut dalam perjalanan biasa perniagaan bagi menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai kepada seseorang yang tiada kaitan dengan orang yang kena membayar cukai itu.

### **Kadar cukai**

5. (1) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menetapkan kadar cukai perkhidmatan yang hendaklah dikenakan dan didapatkan secara levi di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengubah atau meminda kadar cukai yang ditetapkan di bawah subseksyen (1).

(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan (2) hendaklah, pada mesyuarat Dewan Rakyat yang diadakan selepas sahaja sesuatu perintah itu dibuat, dibentangkan dalam mesyuarat itu dan hendaklah, apabila tamat tempoh seratus dua puluh hari dari tarikh dibentangkan itu atau dari sesuatu tempoh lanjutan sebagaimana yang Dewan Rakyat boleh mengarahkan melalui ketetapan, terhenti berkuat kuasa jika dan setakat mana ia tidak disahkan oleh ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh seratus dua puluh hari tersebut atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan, dalam tempoh yang dilanjutkan itu.

(4) Jika sesuatu perintah itu terhenti berkuat kuasa secara keseluruhan atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (3), apa-apa cukai perkhidmatan yang dikenakan menurut perintah itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, sesuatu bahagian daripada perintah itu yang terhenti berkuat kuasa hendaklah, tertakluk kepada peruntukan subseksyen (5), kena dibayar balik kepada orang yang olehnya cukai perkhidmatan itu dibayar.

(5) Kecuali selainnya diarahkan oleh Menteri, tiada sesuatu cukai perkhidmatan yang kena dibayar balik di bawah peruntukan subseksyen (4) boleh dibayar balik, melainkan jika orang yang berhak kepada pembayaran balik itu membuat suatu tuntutan pembayaran balik itu kepada Ketua Pengarah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu terhenti berkuat kuasa secara keseluruhan

atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (3); dan tuntutan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang Ketua Pengarah boleh melalui perintah menghendaki.

### **Kuasa Menteri untuk mengecualikan dan membayar balik**

6. Menteri boleh, bagi sesuatu hal tertentu, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan—

- (a) mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada pembayaran kesemua atau sesuatu bahagian daripada cukai perkhidmatan yang jika tidak, sepatutnya kena dibayar oleh orang itu atau kelas orang itu;
- (b) mengecualikan mana-mana perkhidmatan atau kelas perkhidmatan daripada kesemua atau sesuatu bahagian daripada cukai perkhidmatan yang jika tidak, sepatutnya dikenakan cukai;
- (c) mengarahkan pembayaran balik kepada mana-mana orang atau kelas orang kesemua atau sesuatu bahagian daripada cukai perkhidmatan yang dibayar oleh orang itu atau kelas orang itu; atau
- (d) mengarahkan pembayaran balik kepada mana-mana orang atau kelas orang kesemua atau sesuatu bahagian daripada penalti yang dibayar oleh orang itu atau kelas orang itu.

### BAHAGIAN III

#### ORANG YANG KENA MEMBAYAR CUKAI—PELESENAN

### **Orang yang dikenakan cukai**

7. Tertakluk kepada Akta ini, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas dan dibayar oleh mana-mana orang yang kena membayar cukai yang menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disebut dalam seksyen 3.

**Arahan untuk mengangap orang sebagai orang yang kena membayar cukai tunggal**

7A. (1) Walau apa pun seksyen 7, 8 dan 8A, jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa apa-apa pengasingan aktiviti perniagaan dibuat-buat, dia boleh membuat suatu arahan di bawah seksyen ini yang mengarahkan bahawa orang yang dinamakan dalam arahan itu hendaklah diangap sebagai orang yang kena membayar cukai tunggal yang menjalankan aktiviti perniagaan yang diperihalkan dalam arahan itu dan orang yang kena membayar cukai tunggal itu tidak boleh terus menjalankan aktiviti perniagaan itu melainkan jika dia dilesenkan dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh arahan itu disampaikan kepada yang terakhir daripada kalangan orang itu atau dari tarikh yang terkemudian sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam arahan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), dalam menentukan sama ada apa-apa pengasingan aktiviti perniagaan dibuat-buat, hendaklah diambil kira setakat manakah orang yang berlainan yang menjalankan aktiviti perniagaan itu berkait rapat antara satu sama lain melalui hubungan kewangan, ekonomi dan organisasi.

(3) Ketua Pengarah boleh membuat arahan di bawah seksyen ini yang menamakan mana-mana orang jika Ketua Pengarah berpuas hati—

- (a) bahawa orang itu menyediakan atau telah menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai;
- (b) bahawa aktiviti yang dalam perjalanannya orang itu menyediakan atau telah menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai itu menjadi hanya sebahagian daripada aktiviti tertentu dalam perniagaan itu dan bahawa aktiviti lain dalam perniagaan itu (sama ada atau tidak aktiviti itu serupa dengan aktiviti yang dijalankan oleh orang itu) sedang dijalankan serentak atau sebelumnya, atau kedua-duanya, oleh seorang orang lain atau lebih; dan
- (c) bahawa jika semua perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan dalam perniagaan itu diambil kira, orang yang menjalankan perniagaan itu akan, pada masa arahan itu, dikehendaki supaya dilesenkan menurut seksyen 8.

(4) Apa-apa arahan yang dibuat di bawah seksyen itu hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap orang yang dinamakan dalam arahan itu.

(5) Jika, selepas suatu arahan telah diberikan di bawah seksyen ini yang menyatakan perihal perniagaan itu, didapati oleh Ketua Pengarah bahawa mana-mana orang yang tidak dinamakan dalam arahan itu sedang menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai dalam perjalanan aktiviti yang patut dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaan itu, Ketua Pengarah boleh membuat dan menyampaikan kepada orang itu suatu arahan tambahan yang merujuk kepada arahan yang sebelumnya dan perihal perniagaan yang dinyatakan dalamnya, dan menambahkan nama orang itu kepada nama orang yang dinamakan dalam arahan yang sebelumnya mulai—

- (a) tarikh orang itu mula menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai itu; atau
- (b) jika tarikh arahan sebelumnya adalah lebih kemudian daripada tarikh yang disebut dalam perenggan (a), tarikh yang mulai darinya orang yang kena membayar cukai tunggal yang disebut dalam arahan sebelumnya dilesenkan di bawah subseksyen (1).

(6) Jika, sebaik sebelum apa-apa arahan (termasuk arahan tambahan) dibuat dibawah seksyen ini, mana-mana orang yang dinamakan dalam arahan itu dilesenkan berkenaan dengan perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan olehnya sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (3) atau (5), lesennya hendaklah dibatalkan oleh Ketua Pengarah mulai dari—

- (a) tarikh orang yang kena membayar cukai tunggal itu dilesenkan di bawah subseksyen (1); atau
- (b) apa-apa tarikh yang lebih kemudian sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam arahan itu,

dan apabila lesennya dibatalkan dia bersama dengan semua orang yang dinamakan dalam arahan itu, hendaklah dianggap sebagai orang yang kena membayar cukai tunggal di bawah seksyen ini.

(7) Berhubung dengan sesuatu perniagaan yang dinyatakan dalam sesuatu arahan di bawah seksyen ini, orang yang dinamakan dalam arahan itu bersama dengan mana-mana orang yang dinamakan dalam suatu arahan tambahan yang berhubungan dengan perniagaan

itu (sebagai orang yang bersama-sama dianggap sebagai orang yang kena membayar cukai tunggal) dalam subseksyen (8) dan (9) disebut sebagai “anggota konstituen”.

(8) Jika apa-apa arahan dibuat di bawah seksyen ini, bagi maksud Akta ini—

- (a) orang yang kena membayar cukai tunggal yang menjalankan perniagaan yang dinyatakan dalam arahan itu hendaklah dilesenkan dengan nama yang dinamakan oleh orang dalam arahan itu secara bersesama melalui notis bertulis yang diberikan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh arahan itu disampaikan kepada yang terakhir daripada kalangan orang itu atau, jika penamaan itu tidak dibuat, dengan nama sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam arahan itu;
- (b) apa-apa perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan oleh salah seorang daripada anggota konstituen dalam perjalanan aktiviti orang yang kena membayar cukai tunggal itu hendaklah dianggap sebagai perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan oleh orang yang kena membayar cukai tunggal itu;
- (c) setiap anggota konstituen hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang kena dibayar oleh orang yang kena membayar cukai tunggal itu;
- (d) tanpa menjejaskan perenggan (c), apa-apa kegagalan oleh orang yang kena membayar cukai tunggal itu untuk mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini hendaklah dianggap sebagai kegagalan oleh setiap anggota konstituen secara berasingan; dan
- (e) tertakluk kepada perenggan (a) hingga (d), anggota konstituen hendaklah dianggap sebagai suatu perkongsian yang menjalankan perniagaan orang yang kena membayar cukai tunggal itu dan apa-apa persoalan tentang ruang lingkup aktiviti perniagaan itu pada bila-bila masa hendaklah ditentukan dengan sewajarnya.

(9) Jika didapati oleh Ketua Pengarah bahawa mana-mana orang yang merupakan salah seorang anggota konstituen tidak patu lagi dianggap sedemikian bagi maksud perenggan (8)(c) dan (d) dan Ketua Pengarah memberikan notis yang bermaksud sedemikian, orang itu tidak lagi mempunyai apa-apa tanggungan menurut

perenggan itu bagi apa-apa jua yang dilakukan selepas tarikh yang dinyatakan dalam notis itu dan dengan yang demikian pada tarikh itu dia hendaklah dianggap sebagai telah berhenti menjadi anggota perkongsian yang disebut dalam perenggan (8)(e).

### **Permohonan lesen, pengeluaran, dll.**

8. (1) Tiap-tiap orang yang kena membayar cukai yang menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai hendaklah memohon kepada pegawai kanan kastam dalam borang yang ditetapkan untuk mendapatkan suatu lesen, dan tiada orang yang kena membayar cukai boleh menjalankan perniagaan sedemikian melainkan jika dia memiliki suatu lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2).

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu lesen dalam bentuk yang ditetapkan.

(2A) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini atau mana-mana peraturan, mana-mana orang yang dilesenkan di bawah seksyen ini atau seksyen 8A hendaklah tetap menjadi orang yang kena membayar cukai yang menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai, dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai baginya sehingga lesennya dibatalkan.

(3) Sebelum apa-apa lesen dikeluarkan di bawah seksyen ini, atau jika suatu lesen telah dikeluarkan di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang memohon lesen itu, atau pemegang lesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, memberikan apa-apa cagaran bagi pematuhan yang sewajarnya oleh orang itu peruntukan Akta ini dan secara am bagi perlindungan hasil sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah; dan jika Ketua Pengarah pada bila-bila masa tidak berpuas hati dengan apa-apa cagaran yang diberikan, dia boleh menghendaki suatu cagaran baharu bagi menggantikannya, atau sebagai tambahan kepadanya; dan jika keingkaran dilakukan pada cagaran baharu yang diberikan itu, Ketua Pengarah boleh menggantung apa-apa lesen yang terdahulu dikeluarkan. Semasa sesuatu penggantungan, pemegang apa-apa lesen yang dikeluarkan itu hendaklah disifatkan sebagai tidak berlesen.



(4) Mana-mana orang yang dilesenkan di bawah seksyen ini hendaklah menjalankan perniagaan hanya di tempat atau premis yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2).

(5) Jika keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan seseorang yang kena membayar cukai yang menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai dipindahkan kepada seorang yang lain, bagi maksud menentukan sama ada orang lain itu dikehendaki supaya dilesenkan di bawah seksyen ini dia hendaklah dianggap sebagai telah menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai itu sebelum dan juga selepas pemindahan perniagaan itu kepadanya.

### **Pelesenan sukarela**

**8A.** (1) Jika mana-mana orang yang tidak perlu dilesenkan di bawah seksyen 8 memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa dia—

- (a) menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai; atau
- (b) bercadang hendak menjalankan suatu perniagaan yang menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai,

orang itu boleh memohon kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan untuk dilesenkan di bawah Akta ini dan Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu lesen kepada orang itu.

(2) Jika mana-mana orang dilesenkan di bawah subseksyen (1), dia hendaklah dianggap sebagai seorang yang kena membayar cukai, dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai baginya.

### **Penyerahan dan pembatalan lesen**

**9.** (1) Jika mana-mana orang yang kena membayar cukai berhenti menjalankan perniagaan, dia hendaklah dengan serta-merta menyerahkan lesennya kepada Ketua Pengarah.

(1A) Tertakluk kepada Akta ini, jika mana-mana orang yang dilesenkan terhenti menjadi seorang yang kena membayar cukai, dia boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk menyerahkan lesennya.

(1B) Apabila menerima permohonan seseorang di bawah subseksyen (1A), Ketua Pengarah boleh—

- (a) jika dia berpuas hati bahawa orang itu telah terhenti menjadi seorang yang kena membayar cukai, menerima penyerahan lesennya dan orang itu hendaklah terhenti menjadi seorang yang kena membayar cukai; atau
- (b) jika dia tidak berpuas hati bahawa orang itu telah terhenti menjadi orang yang kena membayar cukai, menolak permohonannya untuk menyerahkan lesennya dan orang itu hendaklah terus menjadi orang yang kena membayar cukai.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen 7A(6), jika mana-mana orang yang kena membayar cukai—

- (i) terhenti menjalankan perniagaan yang menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai;
- (ii) mati;
- (iii) gagal menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai selewat-lewatnya pada tarikh lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 8A mula berkuat kuasa; atau
- (iv) sebagai suatu syarikat, telah dibubarkan,

Ketua Pengarah hendaklah membatalkan lesen itu.

(3) Jika mana-mana orang yang kena membayar cukai tidak mematuhi atau didapati bertindak berlawanan dengan, peruntukan seksyen 10, 10A, 11, 12 atau 14, Ketua Pengarah boleh membatalkan lesen itu, dan jika orang itu terus menjalankan perniagaan yang berkenaan dengannya lesen itu dikeluarkan, dia hendaklah disifatkan menjalankan perniagaan itu tanpa suatu lesen di bawah Akta ini.

(4) Sebelum membatalkan sesuatu lesen di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah hendaklah menyampaikan suatu notis pembatalan lesen kepada orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan dan lesen itu adalah batal mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Sebelum membatalkan sesuatu lesen di bawah subseksyen (3), Ketua Pengarah hendaklah menyampaikan suatu notis kepada orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan yang memberitahunya tentang pembatalan yang dicadangkan dan memberinya peluang untuk membuat representasi mengenai perkara itu.

(6) Jika Ketua Pengarah berpuas hati, selepas menimbangkan representasi seseorang yang dibuat di bawah subseksyen (5) bahawa lesen orang itu patut dibatalkan, dia hendaklah menyampaikan suatu notis pembatalan lesen kepada orang itu yang memberitahunya bahawa lesennya adalah batal mulai tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

## BAHAGIAN IV

### INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN

#### **Invois dan resit**

**10.** (1) Tiap-tiap orang yang kena membayar cukai yang menyediakan apa-apa perkhidmatan yang kena dibayar cukai hendaklah, melainkan jika ditetapkan selainnya melalui peraturan-peraturan, mengeluarkan suatu invois dan suatu resit dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris kepada pelanggan berkenaan dengan urusan niaga itu dan hendaklah menyatakan dalam invois dan resit itu amaun cukai perkhidmatan yang kena dibayar secara berasingan daripada caj bagi perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan.

(2) Amaun cukai perkhidmatan yang kena dibayar boleh didapatkan oleh orang yang kena membayar cukai daripada pelanggan.

(3) Tiada sesuatu invois yang menunjukkan suatu amaun yang dikatakan sebagai cukai perkhidmatan boleh dikeluarkan—

- (a) atas penyediaan apa-apa perkhidmatan yang bukannya perkhidmatan yang kena dibayar cukai; atau
- (b) (*Dipotong oleh Akta A1060*);
- (c) oleh seseorang yang bukan seorang yang kena membayar cukai.

#### **Pengeluaran invois atau resit melalui komputer**

**10A.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), bagi maksud mana-mana peruntukan di bawah Akta ini berhubung dengan invois atau resit, seseorang orang yang kena membayar cukai hendaklah dianggap telah mengeluarkan suatu invois atau resit kepada seseorang

pelanggan walaupun tiada apa-apa dokumen yang bersamaan dalam bentuk kertas telah diserahkan kepada pelanggan itu jika maklumat yang dikehendaki telah dirakamkan dalam komputer dan—

- (a) dihantar kepada pelanggan dengan cara elektronik; atau
- (b) dikeluarkan atas apa-apa bahan selain kertas dan diserahkan kepada pelanggan itu.

(2) Tiada peruntukan berhubung dengan invois atau resit yang dikeluarkan dengan menggunakan komputer boleh dianggap telah dipatuhi melainkan jika orang yang kena membayar cukai dan pelanggan itu—

- (a) telah mendapat kelulusan Ketua Pengarah secara bertulis—
  - (i) untuk menghantar dokumen itu secara elektronik, atau untuk mengeluarkan dokumen itu dengan menggunakan komputer atas apa-apa bahan selain kertas dan untuk menyerahkan dokumen itu; atau
  - (ii) untuk menerima dokumen itu melalui penghantaran atau penyerahan itu,

tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan; dan

- (b) mematuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

### **Kewajipan untuk menyimpan rekod**

**11.** (1) Tiap-tiap orang yang kena membayar cukai hendaklah menyimpan dalam apa-apa buku akaun atau rekod lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah, rekod lengkap dan benar dikemaskinikan bagi segala transaksi yang menyentuh atau mungkin menyentuh tanggungannya untuk membayar cukai perkhidmatan dan hendaklah menyimpan buku akaun atau rekod lain itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

(2) Buku akaun dan rekod lain yang dikehendaki diselenggarakan mengikut seksyen ini dan salinan pendua invois yang dikeluarkan di bawah seksyen 10 hendaklah disimpan selama enam tahun dari tarikh akhir yang baginya buku akaun, rekod dan invois itu berkaitan.

**Pemberian penyata**

**12.** (1) Tiap-tiap orang yang kena membayar cukai hendaklah dalam tempoh dua puluh lapan hari atau sesuatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah selepas tamat setiap satu tempoh yang kena dibayar cukai menyerahkan kepada pegawai yang berpatutan suatu penyata dalam borang yang ditetapkan yang menyatakan jumlah amaun hasil yang diterima dalam tempoh yang kena dibayar cukai itu berkenaan dengan caj yang didapatkan secara levi atau dipungut bagi menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai, amaun cukai perkhidmatan yang kena dibayar dan apa-apa butir lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah; dan penyata itu hendaklah disahkan dengan akuan dalam bentuk yang ditetapkan.

(1A) Walau apa pun subseksyen (1), jika mana-mana orang yang kena membayar cukai terhenti menjalankan perniagaan yang menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau menjadi seorang yang kena membayar cukai atau jika lesen mana-mana orang yang kena membayar cukai digantung atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah orang yang kena membayar cukai itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pegawai yang sepatutnya—

- (a) suatu penyata dalam borang yang ditetapkan bagi tempoh yang kena dibayar cukai yang terakhir; dan
- (b) jika penyata bagi tempoh yang kena dibayar cukai sebelum tempoh yang kena dibayar cukai yang terakhir dikehendaki supaya diserahkan di bawah subseksyen (1), penyata itu.

(1B) Penyata yang disebut dalam perenggan (1A)(a) hendaklah menyatakan—

- (a) cukai perkhidmatan, bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian bayaran untuk mana-mana perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan, yang tidak diterima dalam tempoh dua belas bulan kalendar sebelum tempoh yang kena dibayar cukai yang terakhir; dan
- (b) cukai perkhidmatan atas semua perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan dalam tempoh yang kena dibayar cukai yang terakhir.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) jika seseorang orang yang kena membayar cukai menutup akaun perniagaan bulanannya pada suatu tarikh selain hari terakhir dalam sesuatu bulan kalendar, tempoh yang kena dibayar cukai hendaklah tempoh dua bulan yang berakhir pada tarikh itu;
- (b) tempoh yang kena dibayar cukai yang terakhir ialah tempoh dua bulan kalendar atau sebahagian daripadanya yang berakhir pada hari orang yang kena membayar cukai itu terhenti menjalankan perniagaan yang menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau menjadi orang yang kena membayar cukai atau pada hari lesen orang yang kena membayar cukai itu digantung atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah.

### **Taksiran cukai**

**13.** (1) Apa-apa penyata yang diberikan di bawah seksyen 12 boleh diterima oleh pegawai yang berpatutan sebagai bukti yang cukup bagi perkara yang terkandung di dalamnya, dan cukai perkhidmatan boleh ditaksirkan oleh pegawai yang berpatutan itu dengan sewajarnya.

(2) Jika pegawai yang berpatutan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa amaun cukai perkhidmatan yang ditunjukkan dalam sesuatu penyata yang dibuat oleh mana-mana orang yang kena membayar cukai di bawah seksyen 12 sebagai kena dibayar atas apa-apa perkhidmatan yang kena dibayar cukai kurang daripada amaun yang kena dibayar di bawah Akta ini, dia boleh mentaksirkan cukai itu pada amaun yang lebih banyak sebagaimana yang difikirkannya patut dan suatu notis secara bertulis tentang amaun itu hendaklah disampaikan kepada orang itu.

(3) Jika pegawai yang berpatutan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa cukai perkhidmatan yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang kena dibayar cukai di bawah Akta ini oleh mana-mana orang yang tidak membuat suatu penyata berkenaan dengannya, dia boleh mentaksirkan cukai perkhidmatan itu pada apa-apa amaun tentang yang difikirkannya patut dan suatu notis secara bertulis amaun itu hendaklah disampaikan kepada orang itu.

BAHAGIAN V

PEMUNGUTAN, MENDAPATKAN, MEMBAYAR BALIK DAN PEREMITAN

**Bila cukai genap masanya dan kena dibayar**

**14.** (1) Cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan di bawah Akta ini hendaklah genap masanya pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan kepada pelanggan oleh orang yang kena membayar cukai itu.

(2) Jika keseluruhan atau mana-mana bahagian bayaran untuk mana-mana perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan oleh orang yang kena membayar cukai itu tidak diterima daripada pelanggan itu dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari tarikh inoivis bagi perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan itu, cukai perkhidmatan hendaklah genap masanya pada hari yang mengikuti tempoh dua belas bulan kalendar itu.

(3) Mana-mana cukai perkhidmatan yang genap masanya dibayar di bawah subseksyen (1) atau (2) semasa sesuatu tempoh yang kena dibayar cukai hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pengarah dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh tamat tempoh yang kena dibayar cukai itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), (2) atau (3), cukai perkhidmatan yang perlu diperakaunkan dalam apa-apa penyata yang dibuat di bawah subseksyen 12(1A) hendaklah genap masanya dan kena dibayar pada hari penyata itu dikehendaki supaya diserahkan kepada pegawai yang berpatutan.

**Mendapatkan cukai**

**15.** (1) Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain, apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masanya dan kena dibayar dan apa-apa penalti atau surcaj yang kena dibayar di bawah Akta ini boleh didapatkan sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(2) Dalam apa-apa guaman untuk mendapatkan cukai perkhidmatan, penalti atau surcaj, jika ada, di bawah subseksyen (1), pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan nama dan alamat orang yang kena

membayar cukai dan amaun cukai perkhidmatan, penalti atau surcaj, jika ada, yang kena dibayar olehnya hendaklah menjadi keterangan yang cukup bagi amaun yang kena dibayar sedemikian olehnya dan kuasa yang cukup bagi mahkamah untuk memberikan penghakiman bagi amaun tersebut.

(3) Apa-apa penalti atau surcaj yang dikenakan di bawah Akta ini hendaklah, bagi maksud Akta ini dan Akta Had Masa 1953 [Akta 254], Ordinan Had Masa Sabah [*Sabah Bab 72*] atau Ordinan Had Masa Sarawak [*Swk Bab 49*], mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh didapatkan seolah-olah penalti atau surcaj itu ialah cukai perkhidmatan yang genap masanya dan kena dibayar di bawah Akta ini dan dengan yang demikian seksyen 6(4) Akta Had Masa 1953 seksyen 3 Ordinan Had Masa Sabah atau seksyen 3 Ordinan Had Masa Sarawak mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak terpakai bagi penalti atau surcaj itu.

(4) Jika suatu invois menunjukkan bahawa penyediaan perkhidmatan yang kena dibayar cukai telah berlaku dengan cukai perkhidmatan yang dikenakan atasnya, maka hendaklah boleh didapatkan daripada orang yang kena membayar cukai yang telah mengeluarkan invois itu suatu amaun yang sama banyaknya dengan—

- (a) yang ditunjukkan dalam invois itu sebagai cukai perkhidmatan; atau
- (b) sekian banyak amaun keseluruhan yang ditunjukkan sebagai kena dibayar yang akan dikira sebagai merupakan cukai perkhidmatan, jika cukai perkhidmatan tidak ditunjukkan secara berasingan dalam invois,

bagi penyediaan perkhidmatan yang kena dibayar cukai itu.

(5) Subseksyen (4) hendaklah juga terpakai jika—

- (a) invois itu, yang menyatakan suatu amaun yang berupa sebagai cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan, bukan suatu invois yang dikeluarkan di bawah seksyen 10 atau 10A;
- (b) invois itu telah dikeluarkan oleh seorang yang bukan orang yang kena membayar cukai dan yang telah menyediakan suatu perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau suatu perkhidmatan yang tidak kena dibayar cukai yang baginya suatu amaun yang berupa sebagai cukai perkhidmatan telah dikenakan; atau



- (c) inoivis itu telah dikeluarkan oleh seseorang yang kena membayar cukai yang telah menyediakan suatu perkhidmatan yang tidak kena dibayar cukai yang baginya suatu amaun yang berupa sebagai cukai perkhidmatan telah dikenakan,

dan apa-apa amaun yang berupa sebagai cukai perkhidmatan hendaklah dibayar dengan serta-merta oleh orang itu dan, jika dia ingkar membayarnya, boleh didapatkan sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

### **Penalti bagi lewat membayar cukai**

**16.** Jika apa-apa amaun cukai perkhidmatan yang disifatkan kena dibayar, tetap tidak dibayar selepas hari terakhir cukai itu kena dibayar di bawah seksyen 14 atau kena dibayar semula di bawah seksyen 21c, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) suatu penalti yang sama banyak dengan sepuluh peratus amaun yang tidak dibayar itu hendaklah sesudah itu kena dibayar;
- (b) jika cukai perkhidmatan yang genap masanya dan kena dibayar atau kena dibayar semula tetap tidak dibayar selama lebih daripada tiga puluh hari selepas hari terakhir cukai itu kena dibayar, kadar penalti di bawah perenggan (a) atas cukai perkhidmatan yang tidak dibayar itu hendaklah dinaikkan sepuluh peratus bagi tempoh tiga puluh hari yang kedua selepas hari terakhir itu dan bagi tiap-tiap tempoh tiga puluh hari yang berikut atau sebahagian daripadanya semasa amaun itu tetap tidak dibayar, sehingga penalti maksimum sebanyak lima puluh peratus.

### **Liabiliti bersesama dan berasingan bagi pengarah, dll.**

**17.** Jika cukai perkhidmatan, penalti atau surcaj genap masanya dan kena dibayar oleh—

- (a) suatu syarikat;
- (b) suatu firma; atau

- (c) suatu pertubuhan, suatu persatuan atau kumpulan orang yang lain,

maka, walau apapun apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam Akta ini atau dalam mana-mana Akta lain, pengarah syarikat itu atau pekongsi firma itu atau ahli pertubuhan persatuan atau kumpulan orang yang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, bersama-sama dengan syarikat, firma, pertubuhan persatuan atau kumpulan orang yang lain secara bersesama dan berasingan bertanggung bagi cukai perkhidmatan, penalti atau surcaj itu:

Dengan syarat bahawa berhubung dengan sesuatu syarikat yang sedang digulungan, pengarah syarikat itu hanya bertanggung sedemikian jika aset syarikat itu tidak mencukupi untuk menjelaskan amaun yang kena dibayar, selepas membayar apa-apa jumlah yang mempunyai keutamaan di bawah Akta Syarikat 1965 berhubung dengan penggunaan aset syarikat itu dalam penggulungan itu, berbanding cukai perkhidmatan atau penalti itu.

### **Orang yang hendak meninggalkan Malaysia**

**18.** Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang yang kena membayar cukai hendak meninggalkan Malaysia sebelum apa-apa cukai perkhidmatan yang kena dibayar olehnya menjadi kena dibayar mengikut peruntukan Akta ini, cukai perkhidmatan itu boleh, jika difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, kena dibayar pada mana-mana tarikh yang lebih awal sebagaimana yang ditentukan olehnya dan, jika tempat beradanya orang yang kena membayar cukai itu diketahui oleh Ketua Pengarah, orang yang kena membayar cukai itu hendaklah diberitahu dengan sewajarnya.

### **Mendapatkan cukai perkhidmatan, dll., daripada orang yang meninggalkan Malaysia**

**18A.** (1) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang hendak atau berkemungkinan meninggalkan Malaysia tanpa membayar—

- (a) apa-apa cukai perkhidmatan yang kena dibayar olehnya;
- (b) apa-apa penalti yang kena dibayar olehnya di bawah seksyen 16;
- (c) apa-apa surcaj yang kena dibayar olehnya di bawah subseksyen 20(3); atau

- (d) apa-apa wang lain yang boleh didapati daripada di bawah Akta ini,

dia boleh mengeluarkan kepada mana-mana Pengarah Imigresen suatu perakuan yang mengandungi butir-butir mengenai cukai perkhidmatan, penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar sedemikian dengan suatu permintaan supaya orang itu dihalang daripada meninggalkan Malaysia melainkan jika dan sehingga dia membayar cukai perkhidmatan, penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar sedemikian, atau memberikan cagaran yang memuaskan hati Ketua Pengarah bagi pembayarannya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan buang negeri atau imigresen, mana-mana Pengarah Imigresen yang menerima suatu permintaan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan seseorang hendaklah menjalankan segala langkah yang boleh termasuk pengambilan dan penyimpanan apa-apa perakuan pengenalan, pasport, permit keluar atau dokumen perjalanan lain yang berhubungan dengan orang itu sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan notis mengenai pengeluaran suatu perakuan di bawah subseksyen (1) disampaikan ke diri atau melalui pos berdaftar kepada orang yang kepadanya perakuan itu berkaitan:

Dengan syarat bahawa ketidakterimaan notis itu oleh orang itu tidak boleh mentaksahkan apa-apa yang dibuat di bawah seksyen ini.

(4) Jika orang yang berkenaan dengannya suatu perakuan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) mengemukakan pada atau selepas tarikh perakuan itu suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan bahawa semua cukai perkhidmatan, penalti, surcaj atau wang lain yang dinyatakan dalam perakuan itu telah dibayar, atau bahawa cagaran telah diberikan bagi pembayarannya, pernyataan itu hendaklah menjadi kuasa yang cukup bagi membenarkan orang itu meninggalkan Malaysia.

(5) Tiada apa-apa prosiding undang-undang boleh dimulakan atau disenggarakan terhadap Kerajaan, sesuatu Kerajaan Negeri atau mana-mana pegawai awam lain berkenaan dengan apa-apa jua yang dibuat dengan sah di bawah seksyen ini.

(6) Dalam seksyen ini, “Pengaroh Imigresen” ertinya mana-mana Pengarah Imigresen yang dilantik di bawah subseksyen 3(1A) Akta Imigresen 1959-1963 [*Akta 155*].

**Kuasa untuk memungut cukai perkhidmatan, dll., daripada orang yang berhutang wang kepada orang yang kena membayar cukai**

**19.** (1) Jika apa-apa jumlah wang melalui cukai perkhidmatan, penalti atau surcay genap masanya dan kena dibayar oleh seseorang yang kena membayar cukai, Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis (yang suatu salinannya hendaklah dihantar kepada orang yang kena membayar cukai itu di alamatnya yang terakhir diketahui) menghendaki—

- (a) mana-mana orang yang olehnya apa-apa wang kena dibayar atau terakru atau boleh menjadi kena dibayar kepada orang yang kena membayar cukai;
- (b) seseorang yang memegang atau boleh kemudiannya memegang wang bagi atau atas akaun orang yang kena membayar cukai; atau
- (c) mana-mana orang yang mempunyai kuasa daripada seseorang lain untuk membayar wang kepada orang yang kena membayar cukai,

untuk membayar kepadanya dengan serta-merta, atau dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, wang itu (yang bukan merupakan gaji atau upah yang kena dibayar kepada orang yang kena membayar cukai itu) atau sebanyak wang itu yang cukup untuk membayar jumlah wang yang genap masanya dan kena dibayar oleh orang yang kena membayar cukai sebagaimana yang tersebut dahulu.

(2) Semua pembayaran yang dibuat menurut suatu notis di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan telah dibuat bagi pihak orang yang kena membayar cukai dan dengan kebenarannya dan dengan kebenaran semua orang lain yang berkenaan.

**Pembayaran cukai perkhidmatan, dll., yang terkurang dibayar atau yang tersilap dipulangkan balik dan pembayaran secara ansuran**

**20.** (1) Jika—

- (a) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana cukai perkhidmatan, penalti atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini belum dibayar; atau
- (b) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana cukai perkhidmatan, penalti atau wang lain setelah dibayar telah tersilap dipulangkan balik,

maka, dengan syarat bahawa suatu tuntutan dibuat dalam masa tiga tahun dari tarikh cukai perkhidmatan, penalti atau wang lain itu kena dibayar, atau cukai perkhidmatan, penalti atau wang lain yang terkurang dibayar itu telah dibayar, atau bayaran balik itu telah dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang—

(aa) yang bertanggung membayar—

- (i) cukai perkhidmatan, penalti atau wang lain itu; atau
- (ii) cukai perkhidmatan, penalti atau wang lain yang terkurang dibayar itu; atau

(bb) yang kepadanya pulangan balik itu telah tersilap dibuat,

hendaklah membayar cukai perkhidmatan, penalti atau wang lain, atau cukai perkhidmatan, penalti atau wang lain yang terkurang dibayar, atau membayar balik pulangan balik yang telah tersilap dibayar kepadanya itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Ketua Pengarah boleh membenarkan cukai perkhidmatan atau penalti yang disebut di dalam subseksyen (1) dibayar secara ansuran, dalam hal keadaan yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan, dalam amaun dan pada tarikh yang boleh ditentukan olehnya; dan jika amaun cukai perkhidmatan itu dibenarkan dibayar secara ansuran di bawah subseksyen ini, perenggan 16(b) tidaklah terpakai bagi amaun itu mulai tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran dengan ansuran itu.

(3) Jika berlaku kemungkiran dalam pembayaran mana-mana satu ansuran di bawah subseksyen (2) pada tarikh genap masanya untuk bayaran baki amaun yang kena dibayar, keseluruhan baki yang tertunggak hendaklah menjadi genap masanya dan kena dibayar pada tarikh itu dan hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepada orang yang bertanggungjawab membayar amaun yang kena dibayar itu, dikenakan surcaj yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada baki itu dan surcaj itu hendaklah didapatkan seolah-olah surcaj itu genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ini.

### **Pemulangan cukai perkhidmatan atau penalti yang terlebih dibayar atau tersilap bayar**

**21.** Adalah sah bagi Ketua Pengarah, jika dibuktikan sehingga dia berpuas hati bahawa apa-apa cukai perkhidmatan atau penalti telah terlebih dibayar atau tersilap dibayar di bawah Akta ini, untuk memerintahkan pemulangan balik cukai perkhidmatan atau penalti yang terlebih dibayar atau tersilap dibayar tertakluk kepada apa-apa had yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan:

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada pemulangan balik sedemikian boleh dibenarkan melainkan jika suatu tuntutan berkenaan dengannya dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam masa satu tahun selepas bayaran terlebih atau bayaran tersilap itu dibuat; dan
- (b) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau sama sekali tidak membenarkan apa-apa pemulangan balik yang kena dibayar di bawah seksyen ini setakat yang pemulangan balik itu akan dengan tidak adil mengayak pihak yang menuntut itu.

### **Pemotongan daripada penyata bagi cukai perkhidmatan yang dipulangkan balik**

**21A.** (1) Ketua Pengarah boleh meluluskan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, sesuatu permohonan oleh mana-mana orang yang kena membayar cukai untuk memotong dari semasa ke semasa daripada penyata cukainya yang disebut dalam subseksyen 12(1) amaun cukai perkhidmatan yang telah dibayar tetapi kemudiannya dipulangkan balik kepada pelanggannya oleh sebab—

- (a) pembatalan perkhidmatan yang kena dibayar cukai;

- (b) penamatan perkhidmatan yang kena dibayar cukai; atau
- (c) apa-apa sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Orang yang kena membayar cukai itu hendaklah membuat pemotongan yang disebut dalam subseksyen (1) dalam masa satu tahun selepas pembayaran dibuat, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

### **Bayaran balik hutang lapuk**

**21B.** (1) Mana-mana orang yang merupakan orang kena cukai atau yang tidak lagi menjadi orang kena cukai boleh membuat suatu tuntutan kepada Ketua Pengarah supaya dibayar balik kesemua atau mana-mana bahagian apa-apa cukai perkhidmatan yang dibayar olehnya berkenaan dengan perkhidmatan yang kena dibayar cukai jika—

- (a) cukai perkhidmatan telah dibayar oleh orang itu pada atau selepas 1 Januari 2003;
- (b) kesemua atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang kena dibayar kepada orang itu telah dihapus kira dalam akaunnya sebagai hutang lapuk; dan
- (c) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa segala usaha yang munasabah telah diambil oleh orang itu untuk mendapatkan cukai perkhidmatan itu.

(2) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (1)—

- (a) tidak menerima apa-apa bayaran berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan yang kena dibayar cukai itu, orang itu boleh membuat suatu tuntutan bagi kesemua cukai perkhidmatan yang telah dibayar; atau
- (b) telah menerima apa-apa bayaran berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan yang kena dibayar cukai itu, orang itu boleh membuat tuntutan bagi perbezaan antara cukai perkhidmatan yang telah dibayar dengan amaun yang dihitung mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

di mana A ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan kena cukai itu;

- B ialah nilai perkhidmatan yang kena dibayar cukai campur cukai perkhidmatan yang kena dibayar; dan
- C ialah cukai perkhidmatan yang kena dibayar.

(3) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) boleh membuat tuntutan bagi bayaran balik dalam tempoh enam tahun dari tarikh cukai perkhidmatan dibayar olehnya.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “hutang lapuk” ertinya baki amaun bayaran berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan yang kena dibayar cukai termasuk cukai perkhidmatan yang kena dibayar kepada orang itu tetapi belum dibayar kepada, dan tidak boleh didapatkan oleh, orang itu.”.

### **Pembayaran semula bayaran balik**

**21c.** Jika bayaran balik cukai perkhidmatan telah dibuat di bawah seksyen 21b oleh Ketua Pengarah kepada seseorang dan apa-apa bayaran berkenaan dengan perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang baginya cukai perkhidmatan itu kena dibayar kemudiannya diterima oleh orang itu, orang itu hendaklah membayar semula kepada Ketua Pengarah suatu amaun yang dihitung mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

di mana A ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan kena cukai itu;

B ialah nilai perkhidmatan yang kena dibayar cukai campur cukai perkhidmatan yang kena dibayar; dan

C ialah cukai perkhidmatan yang kena dibayar.



## **Peremitan**

**22.** Menteri boleh, jika difikirkannya adalah adil dan saksama untuk berbuat demikian, dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, meremit kesemua atau sesuatu bahagian daripada apa-apa cukai perkhidmatan atau wang lain yang genap masanya dan kena dibayar di bawah Akta ini, atau kesemua atau sesuatu bahagian daripada apa-apa penalti yang kena dibayar di bawah peruntukan seksyen 16.

## **BAHAGIAN VI**

### **PEMERIKSAAN, PENGGELEDAHAN, PENYITAAN DAN PENANGKAPAN**

#### **Orang yang terikat untuk memberikan maklumat**

**23.** (1) Tiap-tiap orang yang mempunyai maklumat tentang apa-apa perkara yang mengenainya adalah menjadi kewajipan pegawai yang berpatutan untuk menyiasat hendaklah, apabila dikehendaki olehnya untuk berbuat demikian, memberikan maklumat itu.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pegawai yang berpatutan untuk mengemukakan sesuatu dokumen atau benda lain yang adalah dalam kuasa orang itu untuk mengemukakannya, dan yang merupakan suatu dokumen atau benda yang dikehendaki di bawah Akta ini atau suatu dokumen atau benda yang digunakan dalam mana-mana transaksi yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan atau suatu dokumen atau benda yang mengenainya adalah menjadi kewajipan pegawai yang berpatutan untuk menyiasat di bawah Akta ini, hendaklah mengemukakan dokumen atau benda itu.

#### **Akses kepada bangunan, tempat, buku, dll.**

**24.** (1) Seseorang pegawai yang berpatutan hendaklah bagi maksud Akta ini pada setiap masa mempunyai akses yang penuh dan bebas kepada semua bangunan, tempat, buku, data, dokumen dan rekod lain bagi maksud memastikan amaun cukai perkhidmatan yang menjadi kena dibayar oleh mana-mana orang di bawah Akta ini, dan boleh, tanpa membayar apa-apa bayaran atau upah, memeriksa, menyalin atau membuat cabutan daripada mana-mana buku, data, dokumen atau rekod lain itu.

(2) Seseorang pegawai yang berkenaan boleh mengambil milik mana-mana buku, data, dokumen atau rekod lain itu jika pada pendapatnya—

- (a) kerja memeriksa, menyalin atau membuat cabutan buku, data, dokumen atau rekod lain itu tidak boleh dilakukan dengan cara yang berpatutan tanpa mengambil milik buku, data, dokumen atau rekod lain itu;
- (b) buku, data, dokumen atau rekod lain itu boleh diganggu atau dibinasakan jika buku, data, dokumen atau rekod lain itu tidak diambil milik; atau
- (c) buku, data, dokumen atau rekod lain itu mungkin dikehendaki sebagai keterangan dalam prosiding bagi sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau dalam prosiding bagi mendapatkan cukai perkhidmatan, penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini.

(3) *(Dipotong oleh Akta A1111).*

(4) *(Dipotong oleh Akta A1111).*

### **Majistret boleh mengeluarkan waran geledah**

**25.** (1) Apabila ternyata pada seseorang Majistret, daripada maklumat bertulis yang diberikan dengan sumpah dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam sesuatu rumah kediaman, kedai atau bangunan lain atau tempat atau di dalam sesuatu vesel atau pesawat udara, ada disembunyikan atau disimpan apa-apa buku, dokumen atau benda yang mungkin memberikan keterangan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai yang berpatutan yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa dan dengan tanpa pertolongan untuk memasuki rumah kediaman, kedai atau bangunan lain, tempat, vesel atau pesawat udara itu dan menggeledah untuk mencari dan menyita buku, dokumen atau benda itu.

(2) Pegawai yang diberi kuasa mengikut subseksyen (1), boleh, jika perlu membuat sedemikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam rumah kediaman, kedai atau bangunan lain, tempat atau vesel atau pesawat udara dan memasuki tiap-tiap bahagiannya, jika perlu, secara paksa;

- (b) memindahkan secara paksa apa-apa galangan terhadap kemasukan, penggeledahan atau penyitaan itu sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melakukannya;
- (c) menahan tiap-tiap orang yang terdapat di dalam rumah kediaman, kedai atau bangunan lain, tempat, vesel atau pesawat udara itu sehingga penggeledahan itu selesai.

### **Bila penggeledahan boleh dibuat tanpa waran**

**26.** Apabila ternyata pada pegawai kanan kastam bahawa ada sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa di dalam sesuatu rumah kediaman, kedai atau bangunan lain, atau tempat, atau di dalam apa-apa vesel atau pesawat udara, ada disembunyikan atau disimpan apa-apa buku, dokumen atau benda yang mungkin memberikan keterangan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk dipercayai bahawa oleh kerana kelewatan dalam memperoleh sesuatu waran geledah, buku, dokumen atau benda itu mungkin dipindahkan, dia boleh menjalankan dalam, ke atas dan berkenaan dengan rumah kediaman, kedai atau bangunan lain, tempat, vesel atau pesawat udara itu segala kuasa yang disebut dalam seksyen 25 seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian melalui suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer**

**26A.** (1) Mana-mana pegawai yang berkenaan yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 24, 25 dan 26 hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer, sama ada disimpan dalam komputer atau selainnya.

(2) Sebagai tambahan, seseorang pegawai yang berkenaan yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 24, 25 dan 26—

- (a) boleh memeriksa dan meneliti pengendalian apa-apa komputer dan apa-apa perkakas atau bahan yang berkaitan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu; dan

(b) boleh menghendaki—

- (i) orang yang pegawai yang berpatutan itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki menggunakan atau telah menggunakan komputer itu atau yang bagi pihaknya komputer itu digunakan atau telah digunakan sedemikian; atau
- (ii) orang yang menjaga, atau selainnya terlibat dalam, pengendalian komputer, perkakas atau bahan itu,

supaya memberinya bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki olehnya bagi maksud seksyen ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), “akses” termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan maklumat berekod atau data berkomputer itu difahami.

### **Penyitaan buku, dokumen, dll.**

**27.** Semua buku, dokumen atau benda yang berkenaan dengannya pegawai kanan kastam atau pegawai yang berpatutan mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa telah dilakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau pelanggaran apa-apa syarat yang tertakluk kepadanya sesuatu lesen telah dikeluarkan di bawah Akta ini dan apa-apa buku, dokumen atau benda yang boleh dipercayai secara munasabah mempunyai hubungan dengan kes itu, boleh disita oleh pegawai itu.

### **Kuasa untuk menangkap**

**28.** (1) Seseorang pegawai kanan kastam dan pegawai yang berpatutan boleh menangkap tanpa waran—

- (a) mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau mengguna khidmat atau membantu mana-mana orang melakukan atau bersubahat melakukan, sesuatu kesalahan terhadap Akta ini;
- (b) mana-mana orang yang dia mengesyaki secara munasabah mempunyai dalam miliknya apa-apa buku, dokumen atau benda yang boleh disita di bawah Akta ini;
- (c) mana-mana orang yang dia mengesyaki secara munasabah telah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini,

dan pegawai itu boleh memeriksa atau mengambil langkah-langkah supaya diperiksa mana-mana orang yang ditangkap sedemikian:

Dengan syarat bahawa—

- (a) mana-mana orang yang ditangkap oleh seorang pegawai yang berpatutan yang meminta supaya dia diperiksa di hadapan seorang pegawai kanan kastam, tidak boleh diperiksa kecuali di hadapan dan di bawah pengawasan pegawai itu, tetapi orang itu boleh ditahan sehingga ketibaan pegawai itu, atau dibawa ke mana-mana pejabat atau balai polis yang pegawai itu boleh didapati;
- (b) apa-apa barang kepunyaan mana-mana orang yang meminta untuk menghadiri pemeriksaan ke atas barang kepunyaannya dan dia sendiri menghadiri sedemikian dalam sesuatu tempoh yang berpatutan, barang kepunyaan itu tidak boleh diperiksa kecuali di hadapannya;
- (c) tiada seseorang perempuan boleh diperiksa kecuali oleh seseorang perempuan lain dengan betul-betul mengambil kira kehendak kesopanan.

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap di bawah seksyen ini hendaklah dibawa ke suatu balai polis atau ditahan dalam jagaan pegawai yang berpatutan.

(3) Jika mana-mana orang yang kena ditangkap di bawah Akta ini tidak ditangkap pada masa dia melakukan kesalahan yang baginya dia kena ditangkap sedemikian, atau selepas ditangkap dia melarikan diri, dia boleh ditangkap pada bila-bila masa selepas itu dan tindakan diambil terhadapnya seolah-olah dia telah ditangkap pada masa melakukan kesalahan itu.

(4) Tiap-tiap orang yang ditangkap sedemikian boleh dilepaskan daripada jagaan—

- (a) apabila dia menandatangani apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai yang berpatutan.
- (b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan suatu penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai yang berpatutan; atau

- (c) apabila dia menandatangani apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai yang berpatutan dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan suatu penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai yang berpatutan.

(5) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (4) boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai yang berpatutan—

- (a) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar; atau
- (b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu mungkin melanggar apa-apa syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu hendaklah dibebaskan daripada obligasinya sebagai penjamin.

## BAHAGIAN VII

### KESALAHAN

#### **Tidak mematuhi notis, dll.**

**29.** Tanpa menjejaskan apa-apa tanggungan lain yang dilakukan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang—

- (a) tidak atau enggan mematuhi kehendak seksyen 7, 7A, 8, 10, 10A, 11, 12, 14 atau 19;
- (b) menjalankan perniagaan di mana-mana tempat atau premis yang tidak dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 8 atau 8A;
- (c) tidak atau enggan mengemukakan apa-apa buku, dokumen atau benda untuk diperiksa atau ditahan oleh pegawai yang berpatutan mengikut kehendak Akta ini;

- (d) tidak atau enggan memberikan maklumat yang betul atau enggan memberikan apa-apa maklumat yang dia dikehendaki untuk memberikan yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan;
- (e) membayar suatu amaun cukai perkhidmatan yang kurang daripada yang dikehendaki oleh Akta ini;
- (ea) melanggar subseksyen 47A(2);
- (f) dalam apa-apa cara menghalang seseorang pegawai yang berpatutan pada menjalankan fungsinya di bawah Akta ini; atau
- (g) berlawanan dengan subseksyen 10(3) mengeluarkan suatu invois yang menunjukkan suatu amaun yang dikatakan sebagai cukai perkhidmatan,

melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Penalti bagi penyata yang tidak betul**

**30.** Mana-mana orang yang membuat sesuatu penyata yang tidak betul di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan dengan meninggalkan daripadanya apa-apa maklumat atau memberikan apa-apa maklumat yang tidak betul berhubungan dengan apa-apa perkara yang menyentuh tanggungannya sendiri kepada cukai perkhidmatan atau tanggungan mana-mana orang lain atau suatu firma atau suatu persatuan orang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Penalti bagi pengenaan atau pemungutan cukai perkhidmatan oleh orang yang tidak kena membayar cukai**

**31.** (1) Tiada seorang pun boleh mengenakan caj atau memungut daripada mana-mana orang apa-apa jumlah wang bagi maksud membayar cukai perkhidmatan yang didapatkan secara levi di bawah Akta ini berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang disediakan olehnya atau bagi pihaknya melainkan jika dia boleh dikenakan di bawah Akta ini bayaran cukai perkhidmatan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini melakukan suatu bersalahan terhadap Akta ini dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan dua tahun atau kedua-duanya.

### **Penalti bagi pengelakan cukai perkhidmatan**

**32.** (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja bertujuan untuk mengelak atau menolong mana-mana orang lain untuk lari cukai perkhidmatan—

- (a) meninggalkan daripada sesuatu penyata yang dibuat di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan, apa-apa maklumat berhubung dengan apa-apa perkara yang menyentuh amaunnya atau amuan orang lain yang boleh dikenakan cukai perkhidmatan;
- (b) membuat sesuatu pernyataan atau catatan palsu dalam apa-apa penyata, tuntutan atau permohonan yang dibuat di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan;
- (c) memberikan apa-apa jawapan palsu sama ada secara lisan atau bertulis kepada apa-apa soalan atau permintaan bagi maklumat yang ditanya atau dibuat menurut Akta ini atau peraturan-peraturan;
- (d) menyediakan atau menyenggarakan atau membenarkan penyediaan atau penyenggaraan apa-apa buku akaun palsu, invois palsu atau rekod palsu lain atau memalsukan atau membenarkan pemalsuan apa-apa buku akaun, invois atau rekod; atau
- (e) menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa tipuan, helah atau rekaan,

melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika dalam apa-apa prosiding di bawah seksyen ini dibuktikan bahawa suatu pernyataan palsu atau catatan palsu (sama ada secara peninggalan atau selainnya) telah dibuat dalam apa-apa penyata, tuntutan atau permohonan yang diberikan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan oleh atau bagi pihak mana-mana orang atau



dalam apa-apa buku akaun, invois atau rekod lain yang diselenggarakan oleh atau bagi pihak mana-mana orang, orang itu hendaklah dianggap, sehingga sebaliknya dibuktikan, telah membuat pernyataan atau catatan palsu itu dengan tujuan untuk mengelak cukai perkhidmatan.

(3) Sesuatu sebutan dalam seksyen ini tentang seseorang yang menggunakan apa-apa tipuan, helah atau rekaan, atau membenarkan penggunaan apa-apa tipuan, helah atau rekaan, untuk lari cukai perkhidmatan termasuklah sebutan tentang seseorang yang, tanpa kebenaran Ketua Pengarah—

(a) memusnahkan, merosakkan, memadamkan atau dengan cara lain memanipulasikan data yang disimpan dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer;

(b) memasukkan ke dalam atau merakamkan atau menyimpan dalam suatu komputer, dengan apa-apa cara, data bagi maksud—

(i) memusnahkan, merosakkan, memadamkan atau mengubah data lain yang disimpan dalam komputer itu; atau

(ii) mengganggu dengan, mencelah atau menghalang penggunaan sah komputer itu, atau data yang disimpan dalam komputer itu; atau

(c) dengan cara lain menggunakan komputer,

yang tujuan atau akibatnya adalah untuk lari daripada cukai perkhidmatan.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), “data”, termasuklah apa-apa program komputer atau sebahagian daripada suatu program komputer yang merupakan suatu program yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk digunakan di bawah seksyen 10, 10A, 11, atau mana-mana peraturan.

### **Cubaan dan persubahatan**

**33.** Sesiapa yang cuba untuk melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini, atau bersubahat untuk melakukan kesalahan itu, boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

**Penalti am**

**34.** Apa-apa peninggalan atau kecuaiian untuk mematuhi dan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau cuba dilakukan berlawanan dengan peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan, dan yang berkenaan dengannya tiada sesuatu penalti diperuntukkan secara nyata adalah menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini dan pesalah itu boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**35.** (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan telah dilakukan oleh suatu syarikat, suatu firma, suatu pertubuhan, suatu persatuan atau kumpulan orang yang lain, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai seumpamanya yang lain atau seorang pekongsi syarikat, firma pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang dikatakan bertindak atas sifat yang sedemikian, hendaklah disifatkan melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa izin atau pembiaran dan bahawa dia menjalankan segala usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya dia telah menjalankan, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala keadaan.

(2) Jika mana-mana orang yang sepatutnya dikenakan di bawah Akta ini apa-apa hukuman atau penalti bagi sesuatu perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran seseorang kerani, pekhidmat atau ejen, atau kerani atau pekhidmat bagi ejen itu dengan syarat bahawa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh kerani atau pekhidmat itu dalam masa guna khidmatnya atau oleh ejen itu apabila bertindak bagi pihak orang itu atau oleh kerani atau pekhidmat bagi ejen itu apabila bertindak dalam masa guna khidmatnya dalam keadaan yang jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh ejen, prinsipalnya sepatutnya bertanggung di bawah seksyen ini.

BAHAGIAN VIII

PERUNTUKAN TENTANG PEMBICARAAN DAN  
PROSIDING

36. *(Dipotong oleh Akta A111).*

**Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa**

37. Walau apapun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan untuk mengenakan hukuman di bawah Akta ini bagi sesuatu kesalahan itu.

**Kewajipan kerahsiaan**

37A. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukan di bawah seksyen 38, nama dan alamat seseorang pemberi maklumat dan kandungan maklumat yang diterima daripada seseorang pemberi maklumat hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh dizahirkan oleh mana-mana pegawai yang berkenaan atau mana-mana orang yang dalam perjalanan biasa tugasnya memperoleh atau mengawal atau mendapat akses kepada maklumat itu kepada mana-mana orang kecuali pegawai yang berpatutan ditetapkan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau diperjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Perlindungan pemberi maklumat daripada dizahirkan**

38. (1) Kecuali sebagaimana yang kemudian daripada ini diperuntukkan, tiada seorang saksi di dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini boleh diwajibkan atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat seseorang pemberi maklumat, atau kandungan maklumat yang diterima daripadanya, atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada penzahirannya.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang dikemukakan sebagai keterangan atau boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini,

mengandungi apa-apa catatan yang di dalamnya seseorang pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada penzahirannya, mahkamah hendaklah mengambil langkah-langkah supaya kandungan itu disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan, tetapi hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada dizahirkan.

(3) Jika dalam masa sesuatu perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah, selepas penyiasatan penuh mengenai kes itu, mempercayai bahawa pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam aduannya sesuatu pernyataan penting yang diketahuinya sebagai palsu atau tidak dipercayai sebagai benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain, mahkamah adalah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya antara pihak kepadanya tanpa menzahirkan pemberi maklumat itu, adalah sah di sisi undang-undang bagi mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan asal itu, jika secara bertulis, dan membenarkan penyiasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

### **Pengkompaunan kesalahan**

**39.** Mana-mana pegawai kanan kastam boleh mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan menerima daripada orang yang disyaki semunasabahnya telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima ribu ringgit.

### **Sabitan di bawah undang-undang lain**

**40.** Tiada apa-apa jua yang terkandung di dalam Akta ini boleh menahan pendakwaan, sabitan dan hukuman ke atas mana-mana orang mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang pada masa itu berkuat kuasa di dalam Malaysia atau mana-mana bahagiannya:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh dihukum lebih daripada satu kali bagi kesalahan yang sama.

### **Perintah mahkamah**

**40A.** Jika mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen 29 atau 32, mahkamah yang mendapati orang itu bersalah hendaklah memerintahkan orang itu membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai perkhidmatan yang genap masanya

dan kena dibayar, atau apa-apa penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini, jika ada, sebagaimana yang diperakui oleh Ketua Pengarah dan cukai perkhidmatan atau penalti itu hendaklah boleh didapatkan dengan cara yang sama seperti suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

## BAHAGIAN IX

### PERATURAN-PERATURAN

#### **Peraturan-peraturan**

**41.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan dan mengawal selia—

- (a) pengeluaran lesen;
- (b) tempat cukai perkhidmatan hendaklah dibayar dan dipungut;
- (c) peremitan mengikut budi bicara Ketua Pengarah bagi amaun kecil cukai perkhidmatan;
- (ca) hal keadaan pembayaran secara ansuran boleh dikenakan;
- (cb) pengeluaran invois atau resit;
- (cc) pengeluaran invois atau resit dengan menggunakan komputer;
- (cd) segala perkara yang berhubungan dengan hutang lapuk bagi maksud Akta ini;
- (d) borang yang hendaklah digunakan di bawah dan bagi maksud yang berkaitan dengan Akta ini;
- (e) apa-apa jua yang dikehendaki atau dibenarkan di dalam Akta ini supaya ditetapkan atau dikawal selia;
- (f) secara amnya untuk menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

## BAHAGIAN X

### PENTADBIRAN DAN PERKARA PELBAGAI

#### **Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain**

**42.** (1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawasi segala perkara yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan, tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri.

(2) Tertakluk kepada arahan dan pengawasan am Ketua Pengarah, semua pegawai Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kastam 1967 dan yang memegang pangkat Penguasa atau sesuatu pangkat yang tinggi daripada pangkat Penguasa hendaklah mempunyai dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh atau di bawah Akta ini.

(3) Adalah menjadi kewajipan seseorang pegawai yang berpatutan untuk menguatkuasakan, dan memastikan pematuhan yang wajar, peruntukan Akta ini, dan untuk membuat segala penyiasatan yang wajar berhubung dengannya.

(4) Tiap-tiap orang yang diguna khidmat bagi apa-apa kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan dengan perintah atau persetujuan Ketua Pengarah (sama ada terdahulu atau kemudiannya dinyatakan) hendaklah disifatkan sebagai pegawai yang berpatutan bagi kewajipan atau perkhidmatan itu.

### **Pegawai sebagai pekhidmat awam**

**43.** Tiap-tiap orang yang diguna khidmat bagi apa-apa kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan [Akta 574].

### **Kad kuasa, dll., hendaklah dikemukakan**

**44.** (1) Tiap-tiap pegawai apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini, hendaklah, jika tidak beruniform, apabila diminta, menyatakan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak, apa-apa lencana atau kad kuasa sebagaimana yang dia telah diarahkan untuk membawa di bawah subseksyen 9(1) Akta Kastam 1967.

(2) Adalah tidak menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk enggan mematuhi apa-apa permintaan, tuntutan atau perintah yang dibuat oleh mana-mana pegawai yang bertindak atau dikatakan bertindak di bawah Akta ini, jika pegawai itu tidak beruniform dan enggan menyatakan jawatannya dan mengemukakan lencana atau kad kuasanya apabila permintaan dibuat oleh orang itu.

**Tiada kos atau kerugian yang timbul daripada penyitaan boleh didapatkan melainkan jika penyitaan tanpa sebab yang munasabah atau barangkali**

**45.** Tiada seseorang pun boleh dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan sesuatu benda yang disita pada menjalankan atau perjalanan yang dikatakan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa kerugian atau relief lain selain suatu perintah bagi pengembalian benda itu atau pembayaran nilainya melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau barangkali.

**Penyampaian notis, dll.**

**46.** (1) Tiap-tiap notis, arahan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini supaya disampaikan kepada mana-mana orang boleh disampaikan—

(a) ke diri orang itu; atau

(b) dengan menghantarnya kepada orang itu melalui pos berdaftar.

(2) Sesuatu notis, arahan atau dokumen lain yang dihantar melalui pos berdaftar kepada seseorang hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu pada masa ia sepatutnya telah diserahkan kepadanya dalam perjalanan biasa pos itu jika notis, arahan atau dokumen lain itu telah dialamatkan—

(a) dalam hal suatu syarikat, suatu firma, suatu pertubuhan, suatu persatuan atau kumpulan orang yang lain—

(i) ke pejabat berdaftaranya;

(ii) ke alamatnya yang terakhir diketahui; atau

(iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima penyampaian proses; dan

(b) dalam hal orang perseorangan, ke alamatnya yang terakhir diketahui.

**Kerani dan pekhidmat boleh menguruskan kerja**

**47.** Kerani atau pekhidmat seseorang boleh menguruskan kerja secara am dengan mana-mana pegawai yang berpatutan bagi pihak orang itu:

Dengan syarat bahawa seseorang pegawai boleh enggan menguruskan kerja dengan kerani atau pekhidmat itu melainkan jika orang itu mengenalkan kerani atau pekhidmat itu kepada pegawai itu sebagai seorang yang diberi kuasa untuk menguruskan kerja itu.

**Pengurusan kerja bagi pihak orang yang kena membayar cukai**

**47A.** (1) Tertakluk kepada seksyen 47, tiada seorang pun boleh menguruskan kerja berhubung dengan Akta ini bagi pihak mana-mana orang yang kena membayar cukai, kecuali tentang perkara yang berkaitan dengan—

- (a) pembayaran balik;
- (b) peremitan;
- (c) pengecualian; atau
- (d) apa-apa perkara lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Orang yang menguruskan kerja tentang mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) bagi pihak orang yang kena membayar cukai hendaklah—

- (a) mengemukakan surat kebenaran daripada orang yang kena membayar cukai yang diwakilinya; dan
- (b) jika mana-mana borang yang ditetapkan dikehendaki supaya diserahkan bagi maksud perkara yang kerja tentangnya diuruskan, mengemukakan borang itu yang telah ditandatangani oleh orang yang kena membayar cukai, melainkan jika dibenarkan selainnya oleh pegawai kanan kastam.

**Hadiah**

**48.** Ketua Pengarah boleh memerintahkan apa-apa hadiah sebagaimana yang difikirkannya patut dibayar kepada mana-mana pegawai atau orang lain bagi perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan penemuan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini.



**Borang hendaklah digunakan**

**49.** Jika apa-apa borang telah ditetapkan di bawah seksyen 41, tiada seorang pun boleh, bagi maksud Akta ini, menggunakan sesuatu borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan dengan kuasa Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh, mengikut budi bicaranya dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, membenarkan mana-mana orang untuk menggunakan borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan sedemikian seperti yang disebut terdahulu, atau membenarkan penggunaan apa-apa borang yang dikemukakan melalui pertukaran data elektronik.

**Pertikaian dan rayuan**

**50.** (1) Jika mana-mana orang mempertikaikan keputusan seseorang pegawai yang berpatutan yang bertindak dalam masa menjalankan kewajipan di bawah seksyen 42, dia boleh merayu terhadapnya kepada Ketua Pengarah dan keputusan Ketua Pengarah mengenai pertikaian itu adalah, tertakluk kepada subseksyen (2), muktamad.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan sesuatu keputusan Ketua Pengarah boleh dalam tempoh tiga puluh hari selepas diberitahu keputusan itu—

- (a) dalam hal yang berhubungan dengan pembayaran balik cukai perkhidmatan di bawah seksyen 21B, merayu kepada mahkamah; atau
- (b) dalam hal dan perkara lain, merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

**Pelikuidasi syarikat hendaklah memberikan notis penggulangan, dan mengetepikan cukai**

**51.** (1) Jika selepas diluluskan Akta ini sesuatu ketetapan yang berkuat kuasa diluluskan atau sesuatu perintah dibuat bagi penggulangan sesuatu syarikat yang kepadanya sesuatu lesen dikeluarkan di bawah seksyen 8 atau 8A, pelikuidasi syarikat itu hendaklah memberikan notis berkenaan dengannya kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas ketetapan itu diluluskan atau perintah itu dibuat, dan hendaklah sebelum melupuskan sesuatu

aset syarikat itu mengetepikan apa-apa jumlah wang daripada aset itu sebagaimana yang ternyata pada Ketua Pengarah adalah mencukupi untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang adalah atau akan selepas itu menjadi kena dibayar berkenaan dengan syarikat itu, dan hendaklah membayar cukai perkhidmatan itu.

(2) Seseorang pelikuidasi bagi apa-apa syarikat itu yang tidak memberikan notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang ditetapkan dalam subseksyen (1) atau tidak mengadakan peruntukan bagi pembayaran cukai perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen itu hendaklah bertanggung sendiri bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang adalah atau menjadi kena dibayar seperti yang disebut terdahulu.

(2A) Mana-mana pelikuidasi yang tidak mematuhi subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Jika dua orang atau lebih dilantik sebagai pelikuidasi atau dikehendaki oleh undang-undang untuk menjalankan penggulungan apa-apa syarikat itu, obligasi dan liabiliti yang dikenakan kepada seseorang pelikuidasi di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan kepada semua orang itu secara bersesama atau berasingan, tertakluk kepada suatu hak pencaruman antara mereka bagi hal kontrak.

### **Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah**

**52.** (1) Jika dilantik seseorang penerima harta bagi seseorang yang kena membayar cukai yang kepadanya suatu lesen dikeluarkan di bawah seksyen 8 atau 8A, penerima hendaklah memberikan notis berkenaan dengannya kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas pelantikan itu dibuat, dan hendaklah sebelum melupuskan apa-apa aset orang yang kena membayar cukai itu mengetepikan sesuatu jumlah wang daripada aset sebagaimana yang ternyata pada Ketua Pengarah mencukupi untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang adalah atau akan menjadi kena dibayar berkenaan dengan perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang telah disediakan oleh orang yang kena membayar cukai itu sebelum pelantikan penerima itu, dan hendaklah membayar cukai perkhidmatan itu.

(2) Seseorang yang dilantik sebagai penerima yang tidak memberikan notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang ditetapkan dalam subseksyen (1) atau tidak mengadakan peruntukan bagi pembayaran cukai perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen itu hendaklah bertanggung sendiri bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang adalah atau menjadi kena dibayar seperti yang disebut terdahulu.

(2A) Mana-mana penerima yang tidak mematuhi subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Jika dua orang atau lebih dilantik sebagai penerima, obligasi dan liabiliti yang dikenakan kepada seseorang penerima di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan kepada semua orang itu secara bersesama dan berasingan, tertakluk kepada suatu hak pencaruman antara mereka bagi hal kontrak.

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 151

#### AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

##### SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A309	Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1975	30-05-1975
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
P.U. (A) 357/1980	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Peluasan) 1980	01-06-1981
Akta 293	Akta Kewangan 1983	21-10-1983
Akta 328	Akta Kewangan 1986	24-10-1986
Akta 329	Akta Kewangan (No. 2) 1986	01-01-1987
Akta 421	Akta Kewangan (No. 2) 1990	28-10-1989
Akta 438	Akta Zon Bebas 1990	05-09-1991
Akta 451	Akta Kewangan 1991	01-01-1991
Akta 476	Akta Kewangan 1992	01-01-1992
Akta A876	Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1994	04-03-1994
Akta A923	Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1995	21-07-1995
Akta A962	Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1996	13-09-1996
Akta 557	Akta Kewangan 1997	25-10-1996
Akta A1060	Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999	01-01-2000

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1165	Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2002	01-09-2002
Akta A1182	Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2) 2002	01-01-2003

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 151

## AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

## SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	Akta 329	01-01-1987
	Akta 421	28-10-1989
	Akta A962	13-09-1996
	Akta A1165	01-09-2002
2	Akta 329	01-01-1987
	Akta 421	28-10-1989
	Akta 451	01-01-1991
	Akta A876	04-03-1994
	Akta A962	13-09-1996
	Akta 557	25-10-1996
	Akta A1060	01-01-2000
	P.U.(A) 117/2000	30-03-2000
	Akta A1111	06-07-2001
	Akta A1165	01-09-2002
Akta A1182	01-01-2003	
2A	Akta 438	05-09-1991
3	Akta 476	01-01-1992
	Akta 557	25-10-1996
	Akta A1060	01-01-2000
	Akta A1182	01-01-2003
4	Akta 476	01-01-1992
	Akta A1060	01-01-2000
5	Akta 293	21-10-1983
6	Akta A1060	01-01-2000
7	Akta 476	01-01-1992
	Akta A1060	01-01-2000
7A	Akta A1060	01-01-2000
8	Akta 476	01-01-1992
	Akta A1060	01-01-2000

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
8A	Akta A1060	01-01-2000
9	Akta A1060	01-01-2000
10	Akta A1060	01-01-2000
10A	Akta A1060 Akta A1111	01-01-2000 06-07-2001
12	Akta A923 Akta A1060	21-07-1995 01-01-2000
13	Akta A1060	01-01-2000
14	Akta A923 Akta 557 Akta A1060	21-07-1995 25-10-1996 01-01-2000
15	Akta A1060 Akta A1111	01-01-2000 06-07-2001
16	Akta 328 Akta A1060 Akta A1182	24-10-1986 01-01-2000 01-01-2003
17	Akta A1060 Akta A1111	01-01-2000 06-07-2001
18	Akta A1060	01-01-2000
18A	Akta A1060	01-01-2000
19	Akta A1060	01-01-2000
20	Akta A1060	01-01-2000
21	Akta A1060	01-01-2000
21A	Akta A1060	01-01-2000
21B	Akta A1182	01-01-2003
21C	Akta A1182	01-01-2003
24	Akta A1060 Akta A1111	01-01-2000 06-07-2001

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
26A	Akta A1111	06-07-2001
28	Akta A1111	06-07-2001
29	Akta A1060	01-01-2000
31-32	Akta A1060	01-01-2000
35-36	Akta A1111	06-07-2001
37	P.U. (A) 357/1980	01-06-1981
37A	Akta A1111	06-07-2001
39	Akta A1060	01-01-2000
40A	Akta A1060	01-01-2000
41	Akta A1060 Akta A1111 Akta A1182	01-01-2000 06-07-2001 01-01-2003
44	Akta A1060	01-01-2000
46	Akta A1060 Akta A1111	01-01-2000 06-07-2001
47	Akta A1060	01-01-2000
47A	Akta A1060	01-01-2000
49	Akta A876	04-03-1994
50	Akta A1182	01-01-2003
51	Akta A1060	01-01-2000
52	Akta A309 Akta A1060	30-05-1975 01-01-2000

---